

CNS1731

R GB 07-08 00190 BH410

aab

MALAYSIA AKAN BANTAH JIKA IRAQ DICEROBOH TANPA SEBAB, KATA PM

LANGKAWI, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan menyokong sebarang langkah pihak mana-manapun menceroboh Iraq semata-mata kerana hendak menjatuhkan Presiden Saddam Hussin.

Sekiranya tindakan seumpama itu dilakukan, Malaysia bukan sahaja tidak menyokong malah akan membantah, katanya apabila ditanya oleh pemberita mengenai ura-ura Amerika Syarikat hendak menggunakan kekerasan tentera bagi kali kedua terhadap Iraq.

Beliau menegaskan bahawa pendirian negara ini ialah tidak menyokong-kekerasan oleh mana-mana juga di dunia ini.

+Kalau Iraq mencabul kemerdekaan negara-negara jiran, maka mungkin negara jiran itu meminta pertolongan tetapi kalau tidak ada apa-apa masalah, tindakan menceroboh wilayah Iraq cuma kerana hendak menjatuhkan Saddam Hussin sahaja, kita tidak sokong malah kita akan bantah,+ katanya. Ketika ditanya mengenai alasan Amerika Syarikat bahawa Iraq tidak mematuhi ketetapan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya membenarkan pasukan penyiasat PBB memeriksa negara itu dan memastikan tidak ada kemudahan senjata nuklear di negara itu, Dr Mahathir berkata: +Dia (Iraq) bagi (pasukan penyiasatan PBB) masuk kementeriannya. Tak dapat apapun. Jadi kita harus percaya kepada PBB.+ -- Bernama

▼07/08/17-09MST